

SUSULAN ISU STEVIA PALSU

# Jenama palsu akan diumumkan

[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]



Dr Subramaniam melawat pusat penyimpanan dan penyelidikan darah di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, semalam.

→ Kementerian Kesihatan masih tunggu laporan sampel

Oleh Nadia Hamid  
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**H**asil penyelidikan ke atas sampel jenama cecair stevia palsu yang disahkan boleh memudaratkan kesihatan, akan diumumkan dalam tempoh terdekat, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Beliau berkata, Bahagian Program Keselamatan dan Kualiti Makanan kementerian berkenaan masih dalam proses menjalankan ujian ke atas produk terbabit.

“Kita masih tunggu hasil penyelidikan itu. Apabila sudah bersedia,

akan diumumkan,” katanya selepas melawat Klinik Kesihatan Kuala Lumpur (KKKL) di Jalan Fletcher, di sini semalam.

BH sebelum ini melaporkan ujian makmal dua universiti awam terhadap sampel 10 jenama produk stevia dalam pasaran tempatan yang digunakan pesakit diabetes sebagai pemanis alternatif, mendapati kandungannya palsu.

## Kombinasi bahan kimia

Kajian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati semua sampel itu, mengandungi kombinasi bahan kimia berbahaya seperti ‘Pyridazinone’, ‘Piperazine’ dan ‘Cycloproparecarboxamide’.

Jika diambil berlebihan, Pyridazinone boleh menyebabkan radang kulit, mata dan alahan pernafasan, Piperazine pula boleh menyebabkan muntah, cirit-birit dan kemurungan, manakala Cycloproparecarboxamide mengakibatkan keradangan.

**Waktu operasi KKKL dilanjut** Sementara itu, waktu operasi KKKL dilanjutkan daripada jam 5 petang kepada 9.30 malam mulai Isnin ini dan orang ramai diminta menggunakan perkhidmatan pesakit huarnya bagi mengurangkan kesesakan kes tidak kritikal di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

“Sejak dibuka Isnin lalu, lebih 700 pesakit mendapatkan rawatan di KKKL, dijangka meningkat kepada 1,000 hingga 1,500 pesakit dalam minggu ini. Lanjutan waktu operasi bagi meningkatkan kecekapan pendaftaran sistem Tele Primary Care (TPC).

“Sebelum ini, ada rungutan kes kelewatan pendaftaran TPC dan ia akan diselesaikan dalam tempoh sebulan. Beri masa kerana sistem ini baru dilaksanakan,” katanya.

KKKL klinik kerajaan terbesar dan pertama mengamalkan konsep ‘Doktor Keluarga’ di negara ini. Ia menggantikan Klinik Pesakit Luar HKL yang sesak dan ditutup pada 3 April lalu.